

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home > Berita Harian > 20 October 1986 > Page 1 > Enam banduan belum menyerah

Enam banduan belum menyerah

Berita Harian, 20 October 1986, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL15617

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Enam banduan belum menyerah

KUALA LUMPUR, Ahad — Usaha masih diteruskan untuk memujuk enam orang banduan yang menahan Dr Radzi Jaafar dan ahli teknologi makmal Abdul Aziz Abdul Majid sejak Jumat lalu di klinik penjara Pudu, supaya menyerah diri.

Menurut Ketua Pengarah Penjara, Datuk Ibrahim Mohammad, beliau mungkin menyerahkan pengendalian drama penawanan tebusan penjara itu kepada polis selepas jam 10.00 pagi esok.

Beliau memberitahu para pemberita di luar penjara lewat tengah hari ini bahawa drama penawanan tebusan itu tidak harus berlarutan.

Datuk Ibrahim bertindak sebagai orang tengah dalam rundingan dengan ketua kumpulan enam orang banduan yang terlibat, Chua Chap Seng atau Jimmy.

Datuk Ibrahim yang kelihatan letih berharap banduan-banduan itu akan menyerah diri sebelum tempoh itu.

Katanya, setakat ini, rundingan yang diadakan sama ada di klinik atau melalui telefon dari bilik gerakan yang ditubuhkan dalam pejabat penjara belum menemui kegagalan.

Awal hari ini, Jimmy dan dua orang banduan lagi bersetuju untuk menyerah diri tanpa syarat dan memberitahu Datuk Ibrahim bahawa dia (Jimmy) akan memujuk rakan-rakannya yang lain agar berbuat demikian.

Bagaimanapun, Datuk Ibrahim berkata Phang Boon Ho, 27 tahun, yang menghadapi kesalahan menyerang dan percubaan mencuri dan Yap Chee Keong, 23 tahun, yang menghadapi kesalahan kerana merusuh, masih berkeras dan Jimmy telah beberapa kali mencuba memujuk mereka supaya menyerah diri.

Ditanya apakah yang akan berlaku jika banduan-banduan itu enggan menyerah diri selepas pukul 10.00 pagi esok, Datuk Ibrahim berkata beliau akan menyerahkan perkara

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
20 October 1986Reel Number:
NL15617

Scroll to Top

Share

Table of Contents

< Previous | Page 1 ▾ | Next >

Nama Akhbar

Berita Harian HARIAN BERBAHASA MELAYU YANG TUNCCAL DI SINGAPURA NO 11,407 ISNIN, 20

Enrile akan letak jawatan?

Enrile akan letak jawatan? Pemerintah campuran Aquino mungkin dibubar CEBU, Ahad UPI, Reuter, AP.

Dua stesen siaran judi haram lumpuh

Dua stesen siaran judi haram lumpuh Polis tangkap suri rumah Olah BALIM OMAR DUA stesen penyiaran

Other headlines

View Full Table of Contents >


itu kepada polis dan sebarang tindakan akan dibincangkan dengan pihak atasan.

Katanya: "Polis bersetuju perkara itu dikendalikan seperti sekarang dan selepas itu terserahlah kepada pihak berkuasa berkenaan untuk menentukan bentuk tindakan yang perlu semasa ketiadaan saya esok."

Beliau akan menghadiri satu mesyuarat penting di Pulau Jerejak esok.

Ketika ditanya mengapa Jimmy dan dua orang rakannya tidak menyerah diri, sedangkan mereka berhasrat berbuat demikian, Datuk Ibrahim berkata mereka memberitahunya bahawa mereka tidak akan menyerah diri melainkan ia dilakukan secara bersama.

Katanya Jimmy tahu dia perlu membuat keputusan menjelang jam 10.00 pagi esok kerana "saya memberitahunya saya akan berlepas ke Pulau Pinang esok jam 11.15 pagi."
— Bernama.



• **JIMMY CHUA**
Pujuk kawan-kawannya serah diri .

Related Articles



Banduan tangguh tempoh permintaan

Berita Harian 19 October 1986

Banduan tangguh tempoh permintaan Bernama. KUALA LUMPUR, Sabto Ketua

Enam banduan masih 'berdegil'

Berita Harian 22 October 1986

Enam banduan masih 'berdegil' Bernama KUALA LUMPUR, Selaaa Pihak berku...

Peristiwa penahanan di Jel Pudu masih belum selesai

Berita Harian 21 October 1986

Peristiwa penahanan di Jel Pudu masih belum selesai Bernama KUALA LUMP...

